

# Dari Sebulan ke Sebulan

Sebuah kapal terbang yang dipajak khas oleh syarikat *Federal Travel Agency* yang berpusat di Kuala Lumpur untuk membawa orang-orang haji dari Malaysia dan Singapura serta Brunei ke Makkah dengan menggunakan kapal terbang. Pada tahun-tahun yang lalu orang-orang haji yang menumpang kapal terbang itu bebas untuk menentukan diri mereka kepada siapa ia suka bershaykh atau pun menumpang tinggal selama ia berada di Makkah dan Madinah serta di Jeddah. Tetapi pada tahun ini penumpang-penumpang kapal terbang itu dipaksa hendaklah bershaykh dengan satu shaykh yang telah ditentukan oleh syarikat yang memajak kapal terbang itu dengan ditambah bayaran untuk mereka sebanyak lebih kurang - /\$550 atau sebanyak 750 Riyal Saudi, iaitu untuk persiapan-persiapan makan, tambang bas serta jamuan-jamuan di Arafah dan Mina serta persiapan-persiapan makanan di Madinah selama beberapa hari mereka berada di sana. Nampaknya tujuan agensi itu semata-mata untuk memudahkan kelolaannya di dalam urusan mengumpulkan orang-orang bagi menentukan masa belayar. Tetapi apa yang sudah terjadi dan berlaku itu adalah tidak memuaskan penumpang-penumpang, sehingga mereka itu tidak senang hati tentang layanan shaykh-shaykh berhubung dengan makanan, tempat tinggal dan peraturan-peraturan yang dibuat.

Khabarnya apabila ditanya shaykh-shaykh Makkah berhubung dengan perkara tersebut, mereka menerangkan bahawa mereka hanya menerima wang dari pihak agensi sebanyak 700 Riyal Saudi sahaja – tidak sebanyak 750 Riyal – sebagaimana yang disebut oleh penumpang-penumpang yang telah membayar tambang mereka termasuk segala-galanya itu. Rombongan jemaah haji itu dikumpulkan berbondong-bondong dan tidak dapat berpisah-pisah – dan demikian juga

mereka – sekali pun ada mempunyai wang tetapi mereka tidak dapat diberi pertunjuk-pertunjuk yang boleh memuaskan hati dan melapangkan fikiran serta kedudukan mereka selama di dalam pelayaran itu.

◦ Kita berharap pada masa-masa yang akan datang seyogialah hendaknya mereka tidak diikat atau dipaksa mesti memasuki seseorang shaykh yang tertentu, kerana mungkin ada di antara mereka yang ada mempunyai keluarga atau pun kawan yang telah belayar lebih dahulu dengan kapal laut, yang mana dengan secara mereka sendiri memilih shaykh yang mereka sukai dapatlah mereka mengatur persiapan atau tempat tinggal sendiri untuk mencari kerehatan diri masing-masing.

Bagi melepaskan kepayaan untuk menyatakan mereka tentulah pegawai kebajikan yang biasanya ada bersama-sama di kapal terbang itu mempunyai tugas untuk menjalankan usaha-usaha yang perlu demi untuk kebajikan mereka. Dengan cara ini tidaklah kelak mereka terasa yang mereka telah dijual dengan harga 50 Riyal Saudi kepada seorang shaykh yang tertentu, sebagaimana yang dikatakan sering kali berlaku atau dilakukan orang ke atas para jemaah haji yang kurang mengerti selok belok hidup di kota Makkah pada musim haji.

\* \* \*

Di dalam forum “Pesta Penulis-Penulis Pantai Timur” ada membawa ura-ura supaya dapat penulis-penulis

berkeadaan baik dan masa depan mereka terjamin. Mereka bercadang untuk menerbitkan buku-buku sendiri, kerana mereka memandang bahawa sebahagian besar daripada mereka ditekan oleh penerbit-penerbit yang berada di tanah air kita ini.

- Kita mendoakan mudah mudahan ini akan berjaya; tetapi sebelum mereka melangkah, supaya kerja-kerja yang akan mereka laksanakan lebih berkesan dan tetap berfaedah dan mendatangkan manfaat kepada umum, maka hendaklah mereka lebih dahulu menyiasat, menyelidik dan menghalusi akan pahit maungnya menerbitkan buku-buku, sebelum dihalusi mustahaklah jangan pakai langgar buta sahaja.

\* \* \*

◦ Terbit daripada jaminan Datuk Mohd Asri bin Haji Muda – Menteri Besar Kelantan – maka kerajaan Malaysia telah membebaskan Dr. Burhanuddin daripada tahanan politik dengan diminta beliau menandatangani syarat-syarat pembebasan itu yang dikehendaki oleh pihak kerajaan Perikatan. Tetapi Dr. Burhanuddin nampaknya enggan menerima syarat-syarat itu; dari kerana itu Menteri Pertahanan telah memberi amaran untuk menarik balik pembebasan itu kalau sekiranya Dr. Burhanuddin masih berkeras enggan mendatangani syarat-syarat pembebasannya itu.

- Kalau betul, maka di sini nampaklah ketegasan Dr. Burhanuddin di dalam cita-cita perjuangannya. Apalah ertinya bebas badan kalau jiwa tidak bebas ertinya tidak dapat untuk meneruskan cita-cita perjuangannya. Orang-orang yang mengerti akan erti pendirian Dr. Burhanuddin tentunya akan mengangkat tangan kepada beliau.

\* \* \*

Suatu berita yang agak mengharukan kita baru-baru ini ialah berita berkenaan 150 pelajar Kolej Islam

Klang terpaksa dilucutkan keanggotaannya daripada Persatuan Penuntut Kolej Islam Malaya atau ringkasnya (P.P.K.I.M.). perlucutan keanggotaan ini dilaksanakan adalah akibat dari perpisahan Kolej Islam Klang yang menjadi sekolah menengah dan Kolej Islam Petaling Jaya yang menjadi pusat pengajian tinggi Islam.

Menurut keterangan yang diberikan oleh Setiausaha Persatuan Penuntut Kolej Islam Malaya saudara Asy'ari Salleh kepada pemberita akhbar Berita Harian yang ada tersiar di dalam keluarannya hari Jumaat 13 Mei 1966: Bahawa taraf (P.P.K.I.M) terpaksa dikawal; penuntut-penuntut menengah tidak dapat mencampuri persatuan, sebab itu dengan sedih teman-teman yang menduduki kelas menengah di Klang terpaksa dilucutkan keanggotaan mereka dari (P.P.K.I.M).

◦ Tindakan yang dilakukan oleh Ahli Jawatankuasa Agung (P.P.K.I.M) itu adalah membimbangkan kita. Apa yang kita bimbangkan itu bukanlah dari segi kewangan – sebagaimana yang dibimbangkan oleh saudara Badaruddin Haji Othman Jawatankuasa Agung persatuan itu – tetapi yang sangat membimbangkan kita ialah dari segi roh persatuan di antara pelajar-pelajar tinggi dan menengah yang selama ini terikat di dalam satu ikatan yang teguh kukuh akan menjadi hancur lebur dari sebab sikap perasingan atau sikap penyingkiran yang telah dijalankan (dilaksanakan) oleh Ahli Jawatankuasa Agung (P.P.K.I.M) tingkatan tertinggi terhadap rakan-rakan mereka anggota-anggota biasa (P.P.K.I.M) tingkatan menengah yang seramai 150 orang itu. Dengan adanya sikap penyingkiran yang dilakukan itu, maka dengan sendirinya (P.P.K.I.M) telah menjadi

satu persatuan yang berbadan dua – Badan Tertinggi dan Badan Menengah – pada suatu masa yang akan datang kita percaya – setelah Kolej Islam di Petaling Jaya mencapai taraf universiti – maka dalam P.P.K.I.

M.) akan muncul pula satu badan baru yang dinamakan Badan Universiti; dikala itu Badan Tertinggi akan disingkirkan pula; dan (P.P.K.I.M) akan menjadi

satu persatuan yang berbadan tiga.

Kita lebih setuju kalau P.P.K.

I.M.) Tertinggi di Petaling Jaya itu dijadikan persatuan pusat, sedang (P.P. K.I.M.) Menengah di Klang dijadikan cawangannya dengan tidak dipecah-pecahkan atau diasing-asangkan antara keduanya; kerana pengajaran-pengajaran Islam yang dibawa oleh Junjungan Besar Nabi Muhammad (S.A.W) adalah sentiasa menyeru kepada bersatu padu bukan bercerai berai dan lagi supaya jangan ada anggota-anggota biasa yang di tingkatan menengah itu merungut dengan mengatakan: “Mentang-mentang awak dah berada di tingkatan tinggi, mempunyai bangunan kolej baru yang istimewa yang terletak di ibu kota, kami tingkatan menengah terus disingkirkan.”

Kalau hendak mengawal kedudukan (P.P.K.

I.M.) pun carilah jalan lain, jangan dengan lucut melucutkan keanggotaan dan singkir menyingkirkan sesama anggota.

Apa pendapat tuan yang berhormat Dato’ (Dr.) Abdul Jalil Hassan Pengetua Tingkatan Tinggi dan Menengah (umum) Kolej Islam?.

\* \* \*

Baru-baru ini En. Ahmad Mohamed Khir Johari – Menteri Pelajaran Malaysia membuat suatu kenyataan di dalam ucapannya

di Kelantan bahawa kerajaan telah mengiktiraf Sijil Tertinggi Kolej Islam Malaya. Keputusan yang telah diambil oleh pihak kerajaan itu tentu sahaja mendapat sambutan baik dari seluruh masyarakat Islam di negeri ini.

Tetapi selepas beberapa hari dari kenyataan itu diumumkan tiba-tiba ada tersiar di dalam akhbar-akhbar tempatan yang mengatakan: Persatuan Bekas Siswa Kolej Islam Malaya di dalam suatu mesyuaratnya baru-baru ini telah mengambil satu keputusan untuk mengirim tiga orang wakil untuk menemui Menteri Pelajaran mengenai tangga gaji pelajar-pelajar yang lulus dari kolej itu.

Pihak persatuan itu menyatakan bahawa walaupun - menurut menteri itu – kerajaan telah mengiktiraf sijil-sijil tinggi kolej Islam. Tetapi tangga gaji yang telah ditetapkan untuk pelajar-pelajar yang memegang sijil-sijil kolej tersebut masih lagi rendah, dan kerajaan masih lagi enggan meletakkan kedudukan pelajar-pelajar yang lulus dari Kolej Islam itu setaraf dengan pelajar-pelajar yang lulus dari maktab-maktab lain.

◦ Kita berharap kepada pihak kerajaan supaya mengkaji semula kedudukan tangga gaji yang tidak seimbang dan masih lagi belum memuaskan hati Persatuan Bekas Siswa Kolej Islam itu. Kalau kerajaan betul-betul mahu mengiktiraf sijil-sijil Kolej Islam itu, maka iktiraflah dengan secara jujur dan memuaskan hati semua pihak menurut tangga-tangga gaji yang telah ditetapkan bagi sijil-sijil kelulusan maktab-maktab yang lain. Mengapa masih ada lagi beza membeza di antara sijil-sijil kelulusan jurusan agama dengan sijil-sijil kelulusan sekolah-sekolah kerajaan yang lain?